

D258

B 8003 AAB
MAHATHIR - SINGAPURA R' R' R'

JOHOR BAHRU, 22 JAN (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI MALAYSIA DAN SINGAPURA BERSETUJU MEMBENTUK PENDEKATAN BARU YANG LEBIH ADIL KEPADA KEDUA-DUA PIHAK DALAM SOAL BEKALAN AIR NEGARA INI KE REPUBLIK ITU.

PERDANA MENTERI BERKATA PERSETUJUAN ITU DICAPAI DALAM PERBINCANGAN BELIAU DENGAN PERDANA MENTERI SINGAPURA ENCIK LEE KUAN YEW SEMASA LAWATAN BELIAU KE REPUBLIK ITU SEMALAM.

BERCAKAP DI SATU SIDANG AKHBAR DI SINI, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SOAL BEKALAN AIR ADALAH SATU DARIPADA DUA PERKARA UTAMA YANG DIBINCANGKAN DALAM PERJUMPAAN ITU. SATU LAGI PERKARA IALAH MENGENAI BEKALAN GAS ASLI KE NEGARA ITU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA LAWATAN ITU ADALAH ATAS UNDANGAN ENCIK LEE BAGI MEMBINCANGKAN HUBUNGAN DUA HALA ANTARA MALAYSIA DENGAN SINGAPURA. - LAGI.
1619MST 22 01 88

B 8018 AAB
MAHATHIR - SINGAPURA 2 JOHOR BAHRU R' R' R'

MENGENAI BEKALAN AIR, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PERKARA ITU TELAH DIBANGKITKAN BERIKUTAN TIMBULNYA PERASAAN TIDAK PUAS HATI DI MALAYSIA KHUSUSNYA DI JOHOR.

EKORAN PERBINCANGAN ITU, BELIAU DAN ENCIK LEE TELAH DAPAT MERUMUS SATU PENDEKATAN YANG LEBIH ADIL KEPADA KEDUA-DUA PIHAK.

+SAYA YAKIN DENGAN CARA INI, KITA DAPAT MEMBANGUNKAN LOJI-LOJI DAN JUGA EMPANGAN SUPAYA SINGAPURA MENDAPAT BEKALAN AIR SEPERTI YANG DIPERLUKAN DAN SEBALIKNYA PIHAK JOHOR DAPAT MEMBERIKAN PERANAN YANG SEWAJARNYA.+

MENGHURAI MENGENAI PENDEKATAN BARU ITU, BELIAU BERKATA SEBAHAGIAN LOJI AKAN DIBINA DI JOHOR DAN SEBAHAGIAN LAGI DI SINGAPURA.

MENGIKUT CADANGAN SINGAPURA, RANCANGAN ITU DILAKSANAKAN SEBAHAGIAN OLEH SINGAPURA DAN SEBAHAGIAN LAGI MUNGKIN OLEH JOHOR, PIHAK JOHOR AKAN MENDAPAT BEKALAN AIR YANG BANYAK, MENCUKUPI HINGGA TAHUN 2000, 2050 ATAUPUN 2100, KATANYA. - LAGI.
1713MST 22 01 88

B 8023 AAB
MAHATHIR - SINGAPURA 3 JOHOR BAHRU

PERDANA MENTERI JUGA BERKATA: +SINGAPURA MEMPUNYAI HAK UNTUK MEMBINA LOJI MENGIKUT SETAKAT SEKIAN BANYAK (BERDASARKAN HAD YANG DITETAPKAN). ITU KITA TIDAK BOLEH TOLAK...TETAPI KALAU DIA NAK DAN MINTA LEBIH DARIPADA ITU, YANG LEBIH ITU KITA BOLEH BUAT SENDIRI ATAU PUN KITA BOLEH ADA USAHASAMA ATAU PUN APA JUGA CARA YANG MEMBERI MANFAAT KEPADA MALAYSIA KHUSUSNYA KEPADA JOHOR.

BELIAU BERKATA SINGAPURA MEMINTA BEKALAN AIR (YANG BELUM DIPROSES) SEBANYAK 500 JUTA GELEN SEHARI DARIPADA MALAYSIA. SEBALIKNYA, NEGARA ITU SANGGUP MEMBERI AIR (YANG DIPROSES) KEPADA JOHOR DENGAN HARGA YANG MURAH SEPERTI YANG DILAKUKAN SEKARANG INI.

MENJAWAB SATU SOALAN, BELIAU BERKATA: +KALAU BERTAMBAH SEKALIPUN (PERMINTAAN AIR) KEPADA SINGAPURA, IANYA JUGA AKAN BERTAMBAH KEPADA JOHOR KHUSUSNYA KEPADA JOHOR BAHRU DAN KAWASAN-KAWASAN YANG BERDEKATAN+.

KEPADA SATU SOALAN LAIN, BELIAU BERKATA SATU JAWATANKUASA TELAH DIBENTUK UNTUK MENKAJI SOAL BEKALAN AIR ITU.

DITANYA SAMADA PERSETUJUAN ITU BERGANGGAW DENGAN PERJANJIAN AIR DI ANTARA JOHOR DAN SINGAPURA YANG TELAH LAMA DIMETERAIKAN, PERDANA MENTERI BERKATA:

+KITA TIDAK BOLEH KETEPIKAN PERJANJIAN KERANA PERJANJIAN INI (ADALAH) DI ANTARA DUA NEGARA YANG DIDAFTAR DI PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU...JADI TAK MUDAH KITA NAK LARI DARI JANJI KITA. TAPI ADA CARANYA UNTUK KITA DAPAT MANFAAT KALAU BEKALAN ITU LEBIH DARIPADA PERJANJIAN YANG TELAH DIBUAT.+ - LAGI.

1722MST 22 01 88

D297

B 8026 AAB
MAHATHIR - SINGAPURA 4 JOHOR BAHRU

MENGENAI BEKALAN GAS ASLI MALAYSIA KE SINGAPURA, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU DAN ENCIK LEE TELAH DAPAT MERUMUSKAN SATU FORMULA YANG BAIK DAN SEGALA BUTIR-BUTIR AKAN DIBINCANGKAN MENGIKUT PENDEKATAN YANG TELAH DIPERSETUJUI.

BELIAU BAGAIMANAPUN TIDAK MENGHURAIKAN FORMULA ITU.

BELIAU JUGA BERKATA SEMPENA DENGAN LAWATANNYA KE REPUBLIK ITU, BELIAU SEMPAT MELAWAT PROJEK PENGANGKUTAN MRT DAN MENINJAU SUNGAI KALLANG YANG TELAH DIBERSIHKAN

MENGENAI PROJEK MRT, BELIAU BERKATA MALAYSIA MUNGKIN MEMPERKENALKAN SISTEM PENGANGKUTAN ITU DI NEGARA INI SEKIRANYA KEDUDUKAN KEWANGAN MEMBENARKAN.

BELIAU BERKATA MALAYSIA MUNGKIN MENGGUNAKAN LANDASAN ATAS TANAH DAN BUKAN DI BAWAH TANAH SEPERTI YANG DIJALANKAN DI SINGAPURA MEMANDANGKAN KOSNYA SATU PERTIGA LEBIH MURAH DARIPADA SISTEM BAWAH TANAH.

MENGENAI PEMBERSIHAN SUNGAI KALLANG, BELIAU BERKATA MALAYSIA MUNGKIN MENGGUNAKAN PENDEKATAN SINGAPURA ITU BAGI MEMBERSIHKAN SUNGAI-SUNGAI YANG TERCEMAR DI NEGARA INI. - BERNAMA.

1727MST 22 01 88